

**PERSEPSI PELAJAR PROGRAM PELAJAR CEMERLANG DIPLOMA
PENDIDIKAN LEPAS IJAZAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR TERHADAP KEPENTINGAN
MEMPELAJARI ILMU TAJWID AL-QURAN**

Mustapha Kamal Ahmad Kassim1, (PhD) & Zahiah Haris @ Harith, (PhD)

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

mustapha.kamal@ipgkik.edu.my¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Program Pelajar Cemerlang (PPC) Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) terhadap kepentingan mempelajari ilmu tajwid di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana dapat memberikan maklumat yang bermanfaat untuk meningkatkan kualiti proses PdP dalam Pendidikan Islam khususnya bagi ilmu tajwid. Kajian ini melibatkan temu bual seramai enam orang pelajar PPC DPLI yang terdiri daripada seorang lelaki dan lima orang perempuan. Mereka merupakan pelajar PPC DPLI semester satu, ambilan Januari 2015. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu persepsi pelajar PPC DPLI terhadap kepentingan mempelajari ilmu tajwid dan cadangan untuk meningkatkan kefahaman pelajar PPC DPLI terhadap ilmu tajwid di IPGKIK. Dapatan kajian mendapati terdapat empat kepentingan mempelajari ilmu tajwid iaitu seseorang dapat mengaplikasi bacaan al-Quran yang bertajwid dalam solat, hukum mempelajarinya adalah wajib, dapat memperbaiki bacaan al-Quran, dan mengelak daripada makna al-Quran terpesong maknanya jika tidak dibaca dengan hukum tajwid yang betul. Seterusnya, lima cadangan untuk meningkatkan kefahaman terhadap ilmu tajwid ialah penggunaan telefon pintar sebagai alat untuk pembelajaran ilmu tajwid, ilmu tajwid terdapat dalam sukan pelajaran Pendidikan Islam, memulakan bacaan al-Quran sebelum pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, mengaplikasi kaedah talaqqi musyafahah dan tikrar (latih tubi) dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid al-Quran antara pelajar dengan pensyarah, dan mengadakan penilaian yang berterusan seperti mengadakan kuiz dalam kelas. Rumusannya ilmu tajwid amat penting kerana bacaan al-Quran yang betul memberi kesan kepada maksud ayat al-Quran dan sahnya solat seseorang muslim.

Kata Kunci: ilmu tajwid, kepentingan mempelajari ilmu tajwid, cadangan meningkatkan kefahaman terhadap ilmu tajwid, IPG, DPLI.

Abstract

This research aims to observe the students' perception of the Outstanding Student Program (PPC) Postgraduate Diploma in Education (DPLI) on the importance of learning Tajweed at Institute of Teacher Special Education Campus (IPGKIK). This research is important to the Institute of Teacher Education (IPG) in providing useful information to improve on the quality of teaching and learning activities in Islamic education, specifically in Tajweed. Six students of PPC; one male and five females are selected in this research to represent half of the PPC DPLI, intake January 2015. Data were

analyzed qualitatively using the case study method. This research focuses on two objectives, which are the students' perception on the importance of learning Tajweed in IPGKIK and suggestions to improve PPC DPLI students" knowledge on Tajweed in IPGKIK. Findings show four significance of learning Tajweed which are, the application of Tajweed knowledge in prayer, learning Tajweed is compulsory, Tajweed helps to improve the recitation of Quran in order to avoid unintended adjustment on the meaning of Qur'an verses. There are five suggestions to improve the knowledge of Tajweed: the use of smartphones as a tool to learn Tajweed, incorporating Tajweed in Islamic education syllabus, pre recitation of the Quran before teaching and learning activities of Islamic Education, applying the methods of Talaqqi Musyafahah and Tikrar (intensive exercises) in the process of teaching and learning of Tajweed between students and lecturers, and conducts ongoing assessments such as quizzes in class. In conclusion, the knowledge of Tajweed is significant because the correct recitation of Quranic verses affects the meaning and the validity of a Muslim prayer.

Keywords: Tajweed, the importance of learning Tajweed, the proposal to improve on the understanding of Tajweed, IPG and DPLI, interests, prop